

Pilihan Raya Serentak Untuk Manfaat Rakyat - Liew Vui Keong
Bernama
09 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Semua pemimpin parti politik termasuk pembangkang perlu mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan pilihan raya negeri serentak dengan pilihan raya umum akan datang, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong.

Beliau berkata, walaupun undang-undang membenarkan kedua-dua pilihan raya itu diadakan secara berasingan, namun pemimpin politik wajar mengambil kira kepentingan bersama dalam hal terbabit.

Katanya, proses pengundian serentak dapat memberi fokus untuk membangunkan negara demi kepentingan rakyat dan bukannya memperjuang dasar-dasar politik semata-mata, di samping dapat mengelakkan pembaziran daripada segi kos, tenaga kerja dan juga masa.

"Dalam undang-undang membenarkan mana-mana kerajaan memerintah atau kerajaan negeri membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) mengikut tarikh yang mereka suka. Namun, adalah lebih baik sekiranya semua parti politik dapat mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan pilihan raya Dewan Undangan Negeri serentak dengan Parlimen dalam pilihan raya ke-13 nanti," katanya.

Liew berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Chew Lee Giok yang meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan negeri mempunyai hak untuk menentukan tarikh pilihan raya umum sendiri tanpa mengikut tarikh pilihan raya yang ditetapkan oleh kerajaan pusat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679096>